☑ Harian Metro
☐ Metro Ahad
Tarikh: 10 MEI 2013
Hari: KHAMIS M/S: 53
Ruangan: ARENA

Dua IPT ke Divisyen Satu

Kejayaan gemilang UTM hasil gol Mohd Hilmi Hafidz, Muhd Saiful dalam Divisyen Dua Liga Hoki Masum

TUNAS REMAJA

ARENA mengalu-alukan sebarang aktiviti sukan di peringkat remaja atau sekolah. Hantarkan berita serta gambar ke sukan@hmetro.com.my.

>>Oleh Anuar Asmadi

UNIVERSITI Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), layak beraksi di Divisyen Satu Liga Hoki Majlis Sukan Universiti-Universiti Malaysia (Masum) musim 2013, selepas melakar kejayaan gemilang dalam Liga Divisyen Dua yang berakhir, baru-baru ini.

Pada final yang menghiburkan di Stadium Hoki Universiti Sains Malaysia (USM) Pulau Pinang, UTM menewaskan UPSI 2-1.

Dua gol UTM dijaringkan Mohd Hilmi Hafidz Mohd Haidir dan Muhd Saiful Nizam Aswan manakala gol tunggal UPSI dijaringkan Aniq Amran.

Pada separuh akhir Liga Divisyen Dua itu, UPSI menewaskan Universiti Tun Hussein Onn (UTHO), Johor, 2-0. Gol UPSI dijaringkan Che Muhaizol Che Aziz dan Aniq Amran, sementara UTM menewaskan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) 4-3.

Gol UTM dijaringkan Mohd Hilmi Hafidz (2 gol) manakala satu gol dijaringkan Wan Mohd Izzat Abu Bakar dan Muhd Saiful Nizam.

Tiga gol UIAM pula dijaringkan oleh Mohd Syafir Abdullah, Mohd Noraiman Azman dan Muhamad Abdullah Shahar.

Sembilan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPT) mengambil bahagian dalam kejohanan itu antaranya Universiti Sultan Zainal Abidin (UniZA) Terengganu, Universiti Utara Malaysia (UUM) Sintok, UPSI, UIAM, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Universiti Multimedia (MMU).

JUARA...pemain hoki UTM layak ke Divisyen Satu Liga Hoki Masum musim 2013.